



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

**HUKUM ENGGAN MENYERAHKAN HARTA PUSAKA
KEPADA AHLI WARIS YANG BERHAK**

1. Harta milik si mati adalah menjadi pusaka kepada semua waris yang berhak. Ini berdasarkan firman Allah ;

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ
وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا¹

Maksudnya: *Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, samada sedikit atau banyak daripada harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah ﷻ).*

2. Mana-mana pentadbir atau pemegang amanah yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi Sivil, Amanahraya Berhad (ARB) atau pihak-pihak yang berautoriti berkewajipan menyerahkan bahagian pusaka kepada waris yang berhak.
3. Keengganan berbuat demikian adalah suatu perbuatan dosa. Ini berdasarkan sabda Nabi ﷺ;

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَلْحِقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا، فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرَ.²

Maksudnya: *Berikanlah harta pusaka kepada orang-orang yang berhak menerimanya. Maka selepas itu, bakinya adalah untuk orang lelaki yang lebih utama (lebih berhak menerimanya)."*

¹ النساء : 7.

² أخرجه البخاري في كتاب الفرائض: باب ميراث الولد من أبيه وأمه.

Oleh itu, Jabatan ini menasihatkan pemegang amanah harta pusaka milik si mati (Fatimah binti Shuib) supaya menyerahkan bahagian pusaka kepada semua ahli waris yang berhak termasuk ibu si mati iaitu Hambiah binti Mat Saman.

TARIKH KEPUTUSAN : 30 DISEMBER 2020